



Fakulti Bahasa dan Komunikasi

**ASPEK FONOLOGI DALAM PEMEROLEHAN BAHASA KANAK-KANAK
MELAYU BERUMUR 6 TAHUN DI BANTING, SELANGOR.**

ABDUL SYUKUR BIN AHMAD SABRI

(68872)

Ijazah Sarjana Muda Sastera (Linguistik) Dengan Kepujian

UNIVERSITI MALAYSIA SARAWAK

2021

ASPEK FONOLOGI DALAM PEMEROLEHAN BAHASA KANAK-KANAK
MELAYU BERUMUR 6 TAHUN DI BANTING, SELANGOR.

Abdul syukur bin ahmad sabri

Projek tahun akhir ini dikemukakan sebagai memenuhi sebahagian daripada syarat untuk
Sarjana Muda Sastera dengan Kepujian (Linguistik)

Fakulti Bahasa dan Komunikasi

UNIVERSITI MALAYSIA SARAWAK

2021

UNIVERSITI MALAYSIA SARAWAK

Please tick (✓)
Final Year Project
Masters
PhD

<input checked="" type="checkbox"/>
<input type="checkbox"/>
<input type="checkbox"/>

Pengakuan Keaslian Hasil Kerja

Perakuan ini telah dibuat pada 6/6/2022.

Pengakuan Pelajar:

Saya Abdul syukur bin ahmad sabri bernombor matrik 68872 daripada Fakulti Bahasa dan Komunikasi dengan ini mengisytiharkan bahawa kerja bertajuk Aspek fonologi dalam pemerolehan bahasa kanak-kanak berumur 6 tahun di Banting, Selangor adalah kerja saya yang asli. Saya tidak meniru dari mana-mana hasil kerja pelajar yang lain atau dari mana-mana sumber lain kecuali dengan menyatakan sumber rujukan sewajarnya atau pengakuan telah dinyatakan dengan jelas dalam teks, dan tidak mempunyai mana-mana bahagian ditulis untuk saya oleh orang lain.



6/6/2022

Tarikh Serahan

Abdul Syukur bin Ahmad Sabri (68872)

Pengesahan Penyelia:

Saya Dr. Norazuna binti Norahim dengan ini memperakui bahawa hasil kerja bertajuk Aspek fonologi dalam pemerolehan bahasa kanak-kanak berumur 6 tahun di Banting, Selangor telah disediakan oleh pelajar yang bernama di atas, dan telah diserahkan kepada "FAKULTI" sebagai * memenuhi sebahagian/penuh bagi penganugerahan Ijazah Sarjana Muda Sastera (Linguistik) dengan Kepujian, dan kerja yang dinyatakan di atas, sepanjang pengetahuan saya, adalah hasil kerja pelajar tersebut.

Diterima untuk pemeriksaan oleh: Dr. Norazuna binti Noriham

Tarikh:

Saya mengaku bahawa Projek/Tesis diklasifikasikan sebagai (Sila tandakan (√)):

- SULIT** (Mengandungi maklumat sulit di bawah Akta Rahsia Rasmi 1972)*
- TERHAD** (Mengandungi maklumat TERHAD yang telah ditentukan oleh organisasi di mana penyelidikan telah dijalankan)
- AKSES TERBUKA**

Pengesahan Projek / Tesis

Oleh itu, saya mengaku dan mengesahkan dengan sewajarnya dengan kebenaran dan kerelaan bahawa Projek/Tesis ini hendaklah diletakkan secara rasmi di Pusat Khidmat Maklumat Akademik dengan kepentingan undang-undang dan hak-hak seperti berikut:

- Pusat Khidmat Maklumat Akademik mempunyai hak yang sah untuk membuat salinan Projek/Tesis bagi pertukaran akademik antara Institut Pengajian Tinggi.
- No dispute or any claim shall arise from the student itself neither third party on this Project/Thesis once it becomes the sole property of UNIMAS.
- Tiada pertikaian atau apa-apa tuntutan yang dibuat sama ada oleh pelajar itu sendiri atau pihak ketiga terhadap Projek/Tesis ini apabila telah menjadi hak milik UNIMAS.

- This Project/Thesis or any material, data and information related to it shall not be distributed, published or disclosed to any party by the student except with UNIMAS permission.
- Mana-mana bahan, data dan maklumat yang berkaitan dengan Projek/Tesis ini, tidak dibenarkan diedar, diterbit atau didedahkan kepada mana-mana pihak oleh pelajar melainkan dengan kebenaran UNIMAS.

Tandatangan Pelajar:

SYUKUR

(6/6/2022)

Tandatangan Penyelia:

(Tarikh)

Alamat semasa pelajar:

Lot 1451, Jalan Tarimin, Jalan Sg lang, Kampung Kanchong Darat, 42700, Banting, Selangor.

Nota: *Jika Projek/Tesis ini SULIT atau TERHAD, sila lampirkan bersama-sama surat daripada organisasi beserta sebab dan tempoh kerahsiaan dan sekatan.

[Instrumen ini disediakan oleh Pusat Khidmat Maklumat Akademik]

ABSTRAK

Pemerolehan bahasa pertama yang diperoleh oleh kanak-kanak akan digunakan dalam proses mendapatkan penguasaan berbahasa pada peringkat morfologi, sintaksis, semantik dan fonologi. Akan tetapi, peringkat fonologi merupakan peringkat yang sering menimbulkan masalah kepada kanak-kanak dalam menguasai peringkat tersebut. Masalah yang sering dihadapi oleh kanak-kanak pada peringkat fonologi ini ialah perbezaan sebutan. Oleh itu, kajian ini dijalankan bagi mengkaji aspek fonologi dalam pemerolehan bahasa kanak-kanak Melayu yang berumur 6 tahun di Banting, Selangor. Kajian ini berbentuk kualitatif sepenuhnya melalui penggunaan kaedah temu bual dengan 2 orang kanak-kanak yang berlainan jantina berumur 6 tahun. Data yang dikumpul akan dianalisis mengikut kerangka daripada Mohammad Rodzi & Syed Jaafar (2018) dan Mohammad Noor (2002). Kajian ini akan memberikan pendedahan kepada masyarakat khususnya ibu bapa tentang tahap pemerolehan bahasa Melayu kanak-kanak yang berusia awal enam tahun khususnya dalam proses penyebutan sesuatu perkataan. Oleh hal yang demikian, pengkaji mendapati bahawa pemerolehan bahasa kanak-kanak yang berumur 6 tahun telah hampir menguasai fonem vokal, konsonan dan diftong. Pengkaji juga telah mendapati kanak-kanak yang berumur 6 tahun telah memperoleh suku kata iaitu dua dan tiga suku kata dengan baik, Manakala terdapat persamaan dan perbezaan aspek fonologi yang berlaku di antara kanak-kanak lelaki dan perempuan.

Kata kunci: *Pemerolehan bahasa, Fonologi, Vokal, Konsonan, Diftong, Inventori fonem, Suku kata*

The acquisition of the first language obtained by the child will be used in the process of obtaining language proficiency at the morphological, syntactic, semantic and phonological stages. However, the phonological stage is a stage that often causes problems for children in mastering that stage. A common problem for children at this phonological level is the difference in pronunciation. Therefore, this study was conducted to study the phonological aspects in the language acquisition of Malay children aged 6 years old in Banting, Selangor. The study was fully qualitative through the use of interview methods with 2 children 6 years old of different gender. The data collected will be analyzed according to the framework from Mohammad Rodzi & Syed Jaafar (2018) and Mohammad Noor (2002). This study will provide exposure to the community especially parents on the level of Malay language acquisition of children who are early six years old especially in the process of mentioning a word. As such, the researchers found that the language acquisition of 6-year-old children had almost mastered the vowel phonemes, consonants and diphthongs. Researchers have also found that 6-year-old children have acquired syllables of two and three syllables well, while there are similarities and differences in phonological aspects that occur between boys and girls.

Keywords: *Acquisition of languages, Phonology, Vocals, Consonants, Diphthongs, Phoneme Inventory, Syllables.*

PENGHARGAAN

Syukur Alhamdulillah kepada Allah S.W.T kerana dengan berkat dan keizinan dari-Nya, maka saya telah dapat menyiapkan tugas penyelidikan ini dengan jayanya. InshaAllah, tugas penyelidikan ini akan memberikan banyak manfaat kepada saya dari segi pengetahuan dan pengalaman semasa membuat kajian dan di masa hadapan. Pertama kali, saya ingin mengucapkan jutaan terima kasih kepada penyelia saya, Dr. Norazuna binti Norahim atas dorongan nasihat, didikan dan toleransi dalam membantu saya menambah baik kajian saya ini. Saya tidak akan dapat menyiapkan kajian ini tanpa bantuan dan arahan beliau.

Saya juga ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada kedua-dua ibu bapa saya iaitu ayahanda Ahmad sabri bin Selamat dan bonda Norazizah binti Abdullah yang turut membantu untuk menyiapkan kajian ini. Tanpa sokongan mereka, mungkin saya tidak dapat menyiapkan kajian seperti ini. Ini kerana kerja-kerja untuk menyiapkan kajian ini memerlukan motivasi, usaha, buah fikiran dan wang ringgit.

Tidak lupa juga saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih yang tidak terhingga kepada rakan-rakan saya iaitu Nazrin Zulaiqa binti Hasbi dan Muhammad Nasrulhaq bin Selamat yang sangat setia membantu saya dalam menyiapkan Projek Tahun Akhir ini.

Akhir kata, saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih sekali lagi kepada semua yang terlibat secara langsung dan tidak langsung menyiapkan kajian ini. Hanya Allah sahaja yang dapat membalas dan memberkati kalian.

JADUAL KANDUNGAN

PERKARA		HALAMAN
PENGISYTIHARAN HASIL KERJA		i
ABSTRAK		iv
PENGHARGAAN		vi
JADUAL KANDUNGAN		vii
SENARAI JADUAL		xi
SENARAI RAJAH		xii
BAB		
1 PENGENALAN		1
1.1	Permasalahan kajian	3
1.2	Tujuan dan objektif kajian	5
1.2.1	Definisi operasional terma	6
1.2.2	Kepentingan kajian	8
2 SOROTAN KAJIAN		10
2.1	Kajian lepas pemerolehan bahasa kanak-kanak	10
2.2	Kelompangan kajian	37
3 METODOLOGI		40
3.1	Reka Bentuk Kajian	40
3.2	Responden yang dipilih	42
3.3	Instrumen Kajian	42
3.4	Prosedur Pengumpulan Data	46
3.5	Prosedur Penganalisan Data	47

3.6	Limitasi Kajian	51
3.7	Kesimpulan	51
4 ANALISIS DATA		52
4.1	Tahap-tahap pemerolehan fonem vokal dalam bahasa kanak-kanak	52-57
4.2	Tahap-tahap pemerolehan fonem konsonan dalam bahasa kanak-kanak	57-63
4.3	Tahap-tahap pemerolehan fonem diftong dalam bahasa kanak-kanak	63-64
4.4	Pemerolehan bunyi-bunyi yang membentuk suku kata dalam bahasa kanak-kanak	65-66
4.5	Persamaan yang terdapat dalam pemerolehan aspek fonologi di antara kanak-kanak lelaki dan perempuan.	66-67
4.6	Perbezaan yang terdapat dalam pemerolehan aspek fonologi di antara kanak-kanak lelaki dan perempuan.	68
4.7	Perbincangan kajian	68-78
5 KESIMPULAN KAJIAN		79
5.1	Kesimpulan dapatan	79-80
5.2	Implikasi kajian	81
5.3	Cadangan kajian pada masa akan datang	82
6 RUJUKAN		83-85
7 LAMPIRAN		86
6.1	Senarai pemerolehan vokal dan transkripsi fonetik kanak-kanak hasil temu bual	86
6.2	Senarai pemerolehan konsonan dan transkripsi fonetik kanak-kanak hasil temu bual	87

6.3	Senarai pemerolehan diftong dan transkripsi fonetik kanak-kanak hasil temu bual	88
6.4	Senarai pemerolehan suku kata dan transkripsi fonetik kanak-kanak hasil temu bual	89-90

SENARAI JADUAL

JADUAL		HALAMAN
1	Kerangka ini diadaptasikan daripada kajian Mohammad Rodzi & Syed Jaafar (2018) dan Mohamad Nor (2002).	45-46
2	Analisis data fonem konsonan (Mohammad Rodzi & Syed Jaafar, 2018).	48
3	Analisis data fonem vokal (Mohamad Nor, 2002)	49
4	Contoh persembahan data pemerolehan bahasa kanak-kanak bagi pemerolehan konsonan	49
5	Contoh persembahan data pemerolehan bahasa kanak-kanak bagi pemerolehan vokal	50
6	Pemerolehan bunyi vokal oleh kanak-kanak berumur 6 tahun.	53
7	Pemerolehan jenis bunyi vokal kanak-kanak /a/	54
8	Pemerolehan jenis bunyi vokal kanak-kanak /o/	55
9	Pemerolehan jenis bunyi vokal kanak-kanak /ε/	55
10	Pemerolehan jenis bunyi vokal kanak-kanak /u/	56
11	Pemerolehan jenis bunyi vokal kanak-kanak /ə/	56
12	Pemerolehan jenis bunyi vokal kanak-kanak /i/	57
13	Pemerolehan bunyi konsonan oleh kanak-kanak berumur 6 tahun.	58-59
14	Pengantian jenis bunyi konsonan kanak-kanak	60
15	Penguguran jenis bunyi konsonan kanak-kanak	61

16	Pemerolehan bunyi diftong pada kanak-kanak berumur 6 tahun.	62
17	Pemerolehan bunyi-bunyi yang membentuk suku kata	63

SENARAI RAJAH

	RAJAH	HALAMAN
1	Rajah reka bentuk kajian	41
2	Proses kutipan data	47

BAB 1

PENGENALAN

1.1 Gambaran keseluruhan bab dan pengenalan

Bab ini menceritakan mengenai latar belakang kajian, permasalahan kajian, dan seterusnya menghuraikan dengan lebih lanjut berkenaan matlamat dan objektif kajian ini dijalankan. Berikutnya, bab ini akan memperlihatkan definisi-definisi operasi terma yang digunakan dalam menjalankan kajian ini serta kepentingan kajian ini. Pada akhir bab ini, pembaca dapat mengetahui secara ringkas berkenaan keseluruhan kajian ini.

1.2 Latar belakang kajian

Kebolehan berbahasa yang dimiliki oleh manusia merupakan satu anugerah tuhan yang paling istimewa kepada kita. Kebolehan menguasai dan bertutur dengan bahasa dapat membezakan manusia dengan haiwan. Bahasa wujud sebagai wahana komunikasi masyarakat selaras dengan keperluan kehidupan manusia untuk berkomunikasi antara anggota masyarakat. Tanpa memperolehi pendidikan, khususnya kanak-kanak masih lagi dapat berbahasa dan inilah yang dinamakan sebagai proses pemerolehan bahasa yang melibatkan bahasa pertama kanak-kanak tersebut. Kanak-kanak ini akan terus membesar dan kemudiannya akan mendapat pendidikan bahasa secara formal dan inilah yang dinamakan sebagai proses pembelajaran.

Proses pemerolehan dan penguasaan bahasa kanak-kanak merupakan satu perkara yang tidak jelas dan menarik bagi para pengkaji dalam bidang linguistik. Bagaimanakah manusia memperoleh dan menguasai sesuatu bahasa merupakan isu yang amat mengagumkan dan sukar dibuktikan. Keupayaan bertutur manusia berlaku secara berperingkat bermula pada peringkat

awal iaitu pada peringkat bayi ke peringkat kanak-kanak dan sehinggalah ke peringkat dewasa. Keupayaan mengembangkan bahasa berlaku pada kanak-kanak yang mempunyai fungsi otak yang normal tanpa mengira bangsa, kebudayaan, atau kecerdikan menyeluruh.

Pemerolehan bahasa dikenali sebagai *language acquisition* dalam bahasa inggeris. Menurut Maksan (1993) pemerolehan bahasa ialah proses penguasaan bahasa yang berlaku secara tidak sedar, implisit dan informal. Menurut Dardjowidjodjo (2003), pemerolehan bahasa ialah proses penguasaan bahasa yang berlaku sewaktu seseorang mempelajari bahasa secara natural. Tay (2006) pemerolehan bahasa merupakan satu proses perkembangan bahasa manusia lazimnya pemerolehan bahasa pertama dikaitkan dengan perkembangan bahasa kanak-kanak, iaitu pemerolehan bahasa kanak-kanak mengikut pada bahasa yang dituturkan oleh kedua orang tua mereka. Hal ini dikatakan demikian kerana jika bahasa yang dituturkan oleh kedua ibu bapa mereka adalah bahasa Melayu, maka bahasa pertama yang akan diperolehi oleh kanak-kanak tersebut ialah bahasa Melayu.

Bahasa pertama yang diperolehi oleh kanak-kanak ini lah yang akan digunakan dalam proses mendapatkan penguasaan berbahasa pada peringkat morfologi, sintaksis, semantik dan fonologi. Menurut Chaer (2003), terdapat dua proses yang terjadi ketika kanak-kanak memperoleh bahasa pertamanya iaitu proses kecekapan dan proses prestasi. Selaras dengan teori Chomsky (dalam kajian Chaer, 2003), proses kecekapan itu mencakupi tiga komponen tatabahasa iaitu komponen sintaksis, semantik dan fonologi. Oleh itu, proses pemerolehan bahasa dapat dibahagikan secara dasarnya menjadi pemerolehan sintaksis, pemerolehan semantik dan pemerolehan fonologi.

Menurut maksan (1993), pemerolehan bahasa itu bermula dari pemerolehan semantik, seterusnya diikuti dengan pemerolehan fonologi dan barulah yang terakhir iaitu pemerolehan sintaksis. Pemerolehan fonologi merupakan pemerolehan aspek bahasa yang kedua dikuasai oleh kanak-kanak. Hal ini dikatakan demikian kerana kanak-kanak akan berupaya untuk menuturkan perkataan yang didengarnya walaupun terdapat perbezaan bunyi sebutan asal sesuatu perkataan.

Ketika proses pemerolehan bahasa pertama, kanak-kanak akan berusaha untuk menguasai tiga peringkat utama ilmu bahasa iaitu sintaksis, fonologi dan semantik. Akan tetapi, peringkat fonologi merupakan peringkat yang sering menimbulkan masalah kepada kanak-kanak dalam menguasai peringkat tersebut. Masalah yang sering dihadapi oleh kanak-kanak pada peringkat fonologi ini ialah perbezaan sebutan. Masalah yang sering berlaku dalam penyebutan kanak-kanak adalah kesalahan dalam menyebut beberapa jenis konsonan.(Jamian, 2010). Kesalahan ini lah yang menyebabkan bunyi yang dituturkan oleh kanak-kanak menjadi sukar difahami dan berbeza dengan sebutan yang dituturkan oleh orang dewasa.

1.3 Pernyataan masalah

Kajian ini dijalankan berlandaskan kepada beberapa permasalahan. Antaranya adalah untuk melihat sejauh mana kajian mengenai proses pemerolehan bahasa ini telah dijalankan. Proses pemerolehan dan penguasaan bahasa kanak-kanak merupakan satu perkara yang penting dan menarik bagi para penyelidik dalam bidang linguistik. Pelbagai konsep dari bidang linguistik yang berbeza telah dikemukakan oleh para pengkaji untuk menerangkan bagaimana proses pemerolehan dan penguasaan bahasa ini berlaku dalam kalangan kanak-kanak seperti bidang semantik, fonologi, sintaksis, morfologi dan juga fonetik. Akan tetapi, masih lagi terdapat masalah dalam proses pemerolehan dan penguasaan bahasa dalam kalangan kanak-kanak.

Kajian-kajian lepas kebanyakan tidak menyentuh mengenai aspek fonologi dalam kalangan kanak-kanak yang berumur 6 tahun. Kajian Saamah (2008) hanya menyentuh tentang aspek fonologi terhadap kanak-kanak yang berumur 2 tahun. Dalam kajian ini, mereka hanya mengkaji penerbitan ayat dua kata atau lebih sahaja yang diujarkan oleh kanak-kanak yang berusia 2 tahun tersebut. Oleh itu, pemerolehan bahasa dalam sudut fonologi sukar dinilai disebabkan kurangnya ujaran yang dituturkan oleh responden lingkungan usia tersebut. Kajian Yanti (2016) pula berfokuskan kepada peringkat umur 3 tahun pada kanak-kanak dalam aspek fonologi. Dalam kajian ini, pemerolehan fonologi masih lagi baru berkembang dalam kanak-kanak yang menyebabkan pemerolehan inventori fonem masih lagi rendah. Oleh itu, tahap pemerolehan fonologi masih lagi kurang dapat dinilai oleh pengkaji kerana tahap pemerolehan bunyi bahasa kanak-kanak masih lagi baru berkembang.

Seterusnya, walaupun terdapat kajian yang dijalankan terhadap kanak-kanak yang berusia 6 tahun, namun kajian tersebut hanya berfokuskan kepada aspek morfologi sahaja. Kajian Marimothu dan Kamaruddin (2018) hanya menyentuh tentang sistem struktur kata ujaran kanak-kanak tersebut sahaja. Oleh itu, kajian mengenai aspek fonologi terhadap kanak-kanak yang berusia 6 tahun seharusnya banyak dijalankan. Hal ini dikatakan demikian kerana peringkat umur 6 tahun merupakan tahap pencapaian baik bagi pemerolehan fonologi pada kanak-kanak.

Justeru itu, tahap pemerolehan bahasa kanak-kanak perlulah ditekankan dalam aspek fonologi kerana pengkaji-pengkaji terdahulu kebanyakannya memfokuskan kepada aspek morfologi, semantik dan sintaksis sahaja. Oleh itu, pengkaji telah memilih untuk mengkaji aspek fonologi yang dapat mengenal pasti ujaran yang dituturkan oleh kanak-kanak dan dapat mengetahui sejauh mana tahap pemerolehan dan penguasaan bahasa pada usia mereka. Kajian pengkaji bakal menjawab segala persoalan yang wujud tentang bunyi sebutan kanak-kanak dan

tahap pemerolehan bahasa kanak-kanak itu sendiri. Hasil kajian ini dapat dilihat pada penghujung analisis kajian.

1.4 Tujuan dan objektif kajian

Kajian ini dijalankan bertujuan untuk mengkaji aspek fonologi dalam pemerolehan bahasa kanak-kanak Melayu yang berumur 6 tahun di Banting, Selangor. Oleh itu, kajian ini dijalankan dengan berlandaskan kepada 3 objektif utama iaitu:

1. Mengenal pasti tahap-tahap pemerolehan fonem (bunyi vokal, konsonan, diftong) dalam bahasa kanak-kanak berumur 6 tahun
2. Mendeskripsi pemerolehan bunyi-bunyi yang membentuk suku kata dalam bahasa kanak-kanak berumur 6 tahun
3. Mengenal pasti persamaan dan perbezaan pemerolehan aspek fonologi di antara kanak-kanak berdasarkan jantina.

1.5 Definisi operasi terma

Fonologi

. Bidang fonologi merupakan suatu bidang yang mengkaji sesuatu bahasa iaitu rumus-rumus yang menentukan sebutan. (Mahmood & Abdullah, 2007). Fonologi mempunyai peringkat dimana peringkat yang dilalui oleh kanak-kanak sebelum mereka menggunakan dengan betul dan memahami sistem bunyi bahasa mereka. Menurut Ibrahim (2019), fonologi merupakan satu proses iaitu suatu set operasi konseptual dalam pertuturan manusia. Ia merujuk kepada proses dan peringkat yang dilalui kanak-kanak untuk mencapai tahap dewasa dalam kecekapan berkomunikasi dan pemahaman dalam berbahasa. Menurut Fung et al. (2019), kemahiran proses fonologi merujuk kepada kemahiran yang diperlukan untuk memproses bahasa secara lisan dan

tulisan dengan menggunakan maklumat fonologi yang merangkumi bunyi bahasa seseorang. Kemahiran utama proses fonologi ialah kesedaran fonologi. (Fung et al., 2019). Kesedaran fonologi ini dapat dimaksudkan dengan kesedaran tentang struktur bunyi sesuatu bahasa. Menurut (Saamah, 2008) kemahiran proses fonologi merujuk kepada keupayaan dalam bunyi pertuturan. Hal ini dikatakan demikian kerana seseorang yang mempunyai kemahiran dalam peringkat fonologi ini berupaya dalam menyebut dengan bunyi pertuturan yang betul

Vokal

Vokal dapat didefinisikan sebagai satu komponen penting dalam komunikasi yang disebut dengan membuka saluran vokal agar tekanan udara tidak terkumpul di mana-mana di atas glotis. (Omar, 1988). Vokal juga boleh dimaksudkan sebagai sukuan bunyi dari mulut terbuka, manakala bukan sukuan pula dapat dimaksudkan sebagai separuh vokal. Menurut Muhammad (1992) terdapat lapan buah vokal dalam bahasa Melayu. Antara bunyi vokal yang terdapat dalam bahasa Melayu ialah [i], [e],[ɛ] dan [a] manakala tiga Vokal belakang iaitu [u], [o] dan [ɔ] dan satu vokal tengah, iaitu [ə]. Bunyi-bunyi vokal ialah bunyi-bunyi bahasa yang bersuara yang ketika menghasilkannya udara dari paru-paru keluar berterusan melalui rongga tekak dan rongga mulut tanpa mendapatkan sebarang sekatan atau geseran. Dengan kata lain bunyi-bunyi vokal mempunyai ciri-ciri seperti bersuara, udara keluar dari paru-paru berterusan dan udara keluar tanpa sekatan atau geseran dari paru-paru. (Omar, 1988).

Konsonan

Konsonan ialah bunyi selain dari bunyi vokal. Konsonan terhasil apabila terdapat gangguan atau halangan oleh alat artikulasi terhadap udara dari peparu. Konsonan terdiri daripada konsonan bersuara dan konsonan tidak bersuara. (Omar, 1988). Konsonan bersuara bermaksud konsonan yang terhasil apabila tekanan udara yang keluar dari peparu menggetarkan pita suara manakala konsonan tidak bersuara adalah konsonan yang terhasil apabila udara dari peparu tidak menggetarkan pita suara. Penghasilan konsonan-konsonan tersebut melibatkan daerah-daerah artikulasi seperti dua bibir, gusi, langit keras, langit lembut, pita suara, glotis dan rongga hidung. (Omar, 1988).

Diftong

Diftong ialah gabungan dua bunyi vokal yang disebut dalam satu suku kata akibat perubahan kedudukan lidah. (Salleh et al., 1997). Menurut Jalaludin (1998), bunyi diftong melibatkan dua rentetan vokal yang hadir serentak. Bunyi diftong terhasil apabila bunyi vokal yang hadir selepas bunyi vokal yang satu lagi menggeluncur ke arah vokal yang mula-mula hadir tanpa menunjukkan sebarang puncak kelantangan. Ketiadaan puncak kelantangan semasa penghasilan bunyi diftong menjadikan bunyi tersebut sebagai satu suku kata sahaja. Diftong juga boleh dirujuk sebagai ejaan gabungan dua huruf vokal yang dieja sebagai bunyi geluncuran. Terdapat tiga jenis huruf diftong dalam bahasa Melayu iaitu ai, au dan oi. (Omar, 1988).

Suku kata

Menurut Jones (1967) dalam kajian Indok (2021), suku kata boleh didefinisikan sebagai satu deretan bunyi yang mempunyai satu puncak kelantangan. Perkataan adalah suku kata dalam

bentuk bebas, mempunyai makna dan dapat berdiri sendiri. Menurut Goodman (1979), suku kata adalah unit terkecil dalam perkataan bahasa Melayu yang boleh dibunyikan dengan senang. Suku kata juga dapat dimaksudkan sebagai unit penyusunaturan bunyi pertuturan. Suku kata merupakan komponen utama dalam aspek fonologi perkataan yang mempengaruhi irama, corak tekanan dan sebagainya dalam sesebuah bahasa. (Goodman, 1979).

Inventori fonem

Fonem adalah unit minimum bunyi sistem fonologi bahasa . Sistem fonologi adalah inventori yang merangkumi semua bunyi yang dimiliki oleh bahasa dalam merealisasikan dalam pertuturan. Kata fonem berasal dari Yunani (phónēma), yang bermaksud 'bunyi suara'. (Jalaluddin et al., 2011). Oleh itu, fonem adalah unit minimum, iaitu, ia tidak dapat dipecah menjadi unit yang lebih kecil, sebab itulah kita mengatakan bahawa fonem adalah artikulasi minimum bunyi dalam bahasa. Inventori fonem tergolong dalam dua kategori yang luas. Di satu pihak, terdapat fonem vokal , merujuk kepada bunyi vokal, dan, di sisi lain, terdapat fonem konsonan , ciri konsonan. (Jalaluddin et al, 2011).

1.6 Kepentingan kajian

1.6.1 Kepentingan kajian dari segi teoritikal

Kepentingan teoritikal kajian ini ialah untuk mendedahkan masyarakat khususnya ibu bapa tentang tahap pemerolehan bahasa Melayu kanak-kanak yang berusia awal enam tahun khususnya dalam proses penyebutan sesuatu perkataan. Dalam pada itu, kajian ini akan menjadikan gambaran yang lebih jelas mengenai tahap pemerolehan bahasa Melayu kanak-kanak. Kajian ini dapat menambah maklumat tentang dapatan pemerolehan bahasa kanak-kanak dalam kajian Marimothu dan Kamarudin (2018) yang juga menjalankan kajian yang sama pada kanak-

kanak berusia 6 tahun. Kajian ini juga secara umumnya mencari tahu proses pemerolehan bahasa pada kanak-kanak yang berumur 6 tahun yang masih kabur dan perlukan penelitian teliti dalam kalangan ahli bahasa. Kajian ini juga memberi jawapan kepada setiap persoalan yang timbul dalam pemikiran seseorang berkaitan dengan proses pemerolehan bahasa kanak-kanak. Kajian ini juga dilakukan selaras dengan matlamat dan objektif dalam pendidikan prasekolah untuk membolehkan kanak-kanak mengembangkan keupayaan dan pemerolehan bahasa dalam kalangan mereka.

1.6.2 Kepentingan kajian dari segi praktikal

Yanti (2012) dalam kajiannya mendapati bahawa masih lagi terdapat kanak-kanak yang menghadapi masalah sebutan dalam berkomunikasi harian. Melalui dapatan kajian ini, dapat mendedahkan kepada kerajaan tentang tahap pemerolehan kanak-kanak yang berusia 6 tahun dalam pembelajaran pada masa ini khususnya dari segi sebutan kanak-kanak. Kajian ini akan membantu memberikan maklumat tambahan kepada golongan ibu bapa dalam memahami tahap keupayaan anak masing-masing khususnya dalam anggaran umur 6 tahun. Kajian ini dapat membuktikan tahap pencapaian sebutan kanak-kanak pada usia lingkungan 6 tahun. Kajian ini juga akan dijadikan sebagai rujukan kepada pengkaji lain yang berminat dengan kajian pemerolehan bahasa kanak-kanak ini khususnya dalam aspek fonologi.

BAB 2

TINJAUAN KAJIAN LEPAS

2.1 Gambaran keseluruhan bab

Bab ini akan membincangkan tentang sorotan kajian lepas. Bab ini juga akan membincangkan sintesis daripada kajian-kajian lepas.

2.2 Kajian pemerolehan dan penguasaan bahasa kanak-kanak dalam aspek semantik dan sintaksis

Kajian oleh Subramaniam (2005) bertajuk “Pemerolehan bahasa kanak-kanak Melayu berasaskan teori pemerolehan bahasa oleh Steinbeirg (1995)” bertujuan untuk mengenalpasti pemerolehan bahasa kanak-kanak Melayu berasaskan teori pemerolehan bahasa oleh Steinberg (1995). Objektif kajian ini ialah untuk mengenalpasti penggunaan bunyi-bunyi suku kata vokal dan konsonan vokal bagi kanak-kanak Melayu, mengenalpasti pertuturan dua patah atau tiga patah perkataan dan menganalisis ayat yang menganduni kata nama, kata kerja dan kata adjektif.

Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif dan kuantitatif. Pengkaji telah menggunakan kaedah pemerhatian untuk melihat aspek pemerolehan bahasa kanak-kanak. Pengkaji menggunakan teori Steinberg pada tahun 1995 untuk melihat peringkat pemerolehan bahasa dalam kalangan kanak-kanak Melayu. Pengkaji telah mendapatkan responden iaitu kanak-kanak Melayu yang berumur antara enam bulan hingga 11 bulan untuk menentukan tahap kegunaan kata tunggal, kanak-kanak yang berumur 10 bulan hingga 18 bulan untuk menentukan pertuturan dua patah dan tiga patah kata serta kanak-kanak yang berumur empat hingga lima tahun untuk menganalisis ayat yang mengandungi kata nama, kata kerja dan kata adjektif.